

KANUN TANAH NEGARA

**PERISYTIHARAN JUALAN
PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN
DALAM PERKARA SEKSYEN 263 KANUN TANAH NEGARA 1965
RUJUKAN FAIL: PTPK/04/A/PPJ/2022/19 (LELONGAN KEDUA)**

Di antara

**LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (THE PUBLIC SECTOR
HOME FINANCING BOARD)
Pemegang Gadaian**

Dan

**NORDIN BIN TAHIR
Penggadai**

Menurut Perintah Jualan atas permintaan Pemegang Gadaian oleh Pentadbir Tanah Kerian yang diperbuat pada 22 Mac 2023 dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Kerian

AKAN MENJUAL SECARA

LELONGAN AWAM

**PADA HARI SELASA BERTARIKH 20/06/2023 JAM 10:00 PAGI
DI PERKARANGAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH KERIAN**

NOTA: Bakal-bakal pembida adalah dinasihatkan agar membuat carian rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut sebelum jualan lelong. Bakal-bakal pembida juga digalakkan membuat permohonan atas talian melalui Portal Awam Sistem eTanah di <https://ptg.perak.gov.my/portal/>.

BUTIR-BUTIR HARTANAH

Jenis dan Nombor Hakmilik	HSM 00001699
No. Lot/PT	PT 2116
Bandar/Pekan/Mukim	Mukim Gunong Semanggol
Keluasan Tanah	345 Meter Persegi
Tempoh Pegangan	-
Cukai Tanah	RM87
Kategori	Bangunan
Syarat Nyata	Kediaman - Sebuah Rumah Kediaman
Sekatan Kepentingan	-
Kawasan Rizab	Tidak
Nama Penggadai	NORDIN BIN TAHIR
Bebanan	Digadaikan kepada LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (THE PUBLIC SECTOR HOME FINANCING BOARD) mengikut No. Perserahan 04SC427/2019. Didaftarkan pada 01 Mac 2019

Lokasi Tanah

Hartanah ini terletak di alamat PLOT 37, TAMAN
SEMANGGOL AMAN, 34400 SIMPANG AMPAT
SEMANGGOL, PERAK

HARGA RIZAB: RM 270,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Tujuh Puluh Ribu Sahaja)

Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

1. Penawar memiliki jumlah wang dalam bentuk bank draf di atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (THE PUBLIC SECTOR HOME FINANCING BOARD)** yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada jumlah harga Rizab yang ditetapkan iaitu RM 27,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Tujuh Ribu Sahaja)
2. Amaun penuh harga jualan boleh dibayar oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh Pentadbir Tanah;
3. Di mana amaun penuh harga jualan yang tidak dibayar oleh penawar yang berjaya selepas tukul dijatuhkan oleh Pentadbir Tanah :-
 - i. maka jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (1) akan dilucuthak untuk membayar seluruh wang yang telah genap masa; dan
 - ii. baki deposit seperti tersebut di atas akan dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah wang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
4. Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh **18 Oktober 2023** dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan;
5. Di mana harga belian sepenuhnya tidak dapat diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (4), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (3) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267 Kanun Tanah Negara 1965.
6. Penawar yang ingin mengambil bahagian dalam lelongan ini hendaklah terlebih dahulu mendaftar dan menyerahkan bank draf sebagai bayaran deposit seperti yang dinyatakan dalam para 1 tiga puluh (30) minit sebelum masa lelongan. Mana-mana penawar yang gagal mendaftar dan menyerahkan bank draf tidak layak mengambil bahagian dalam lelongan ini.



Bertarikh pada 17 Mei, 2023

**Pentadbir Tanah
Daerah Kerian
Negeri Perak Darul Ridzuan**

**Kanun Tanah Negara
Borang 16H
(Seksyen 257 dan 263)**

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, **NUR NABILAH BINTI ROSKHAHAR**, Penolong Pentadbir Tanah Kerian, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tidak dipecahkan atas tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan:

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintahkan:-

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada hari, **20 Jun 2023 pada jam 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat, Pejabat Daerah Dan Tanah Kerian, Jalan Pejabat, 34200 PARIT BUNTAR, PERAK DARUL RIDZUAN**;
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah **RM 270,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Tujuh Puluh Ribu Sahaja)**; dan

(c) **Luar Simpanan Melayu**;


2. Bahawa saya dapati jumlah yang perlu dijelaskan kepada pemegang gadaian pada tarikh **22.03.2023** ialah **RM 1, 484, 554.88 – Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam**.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas iaitu sebanyak **RM 27,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Tujuh Ribu Sahaja)**. Bagi penawar-penawar yang berminat adalah dikehendaki mendepositkan dalam bentuk bank draf atas nama – **Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam**.
- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian.
- (c) Di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya-
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena di bayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada **satu ratus dua puluh hari (120)** daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh **18 Oktober 2023**, dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d) jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah Seksyen 267.

Bertarikh : **17 Mei 2023**




(NUR NABILAH BINTI ROSKHAHAR)
Penolong Pentadbir Tanah,
b.p. Pentadbir Tanah Kerian